

05 SEP 1997

PENANGGUHAN PROJEK BAIK UNTUK KURANGKAN IMPORT JANGKA PANJANG: PAKAR EKONOMI

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Keputusan kerajaan untuk menangguhkan projek-projek besar adalah baik bagi ekonomi kerana ia akan mengurangkan barangan import yang diperlukan bagi projek-projek itu dan dalam proses tersebut akan membantu mengurangkan defisit akaun semasa, kata seorang pakar ekonomi hari ini.

Sambil mengunjurkan pertumbuhan 7.5 peratus bagi suku terakhir tahun ini, Dr. Muthi Samudram, ketua pakar ekonomi di MBf Northern Securities Sdn Bhd, berkata langkah ini juga akan memberi keyakinan baru kepada pelabur terhadap matawang dan pasaran saham.

Dengan keyakinan yang meningkat terhadap asas-asas ekonomi negara, lebih banyak dana akan terangsang untuk kembali ke pasaran, katanya pada satu persidangan berita untuk mengumumkan perincian mengenai Persidangan Ekonomi Dunia yang akan diadakan di sini pada 22 hingga 25 September.

Sebanyak 80 peserta dari agensi kerajaan dan swasta dari 70 buah negara akan berkumpul di sini, bersama kira-kira 30 peserta tempatan, untuk membincangkan soal ekonomi dunia.

Antara lain, persidangan anjuran Global Economic Sdn Bhd ini akan membincangkan pelanggaran syarat bagi sektor kewangan ekonomi Asean menurut agenda Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan kesan ke atas ekonomi dalam negeri; dan pasaran kewangan antarabangsa, turun naik kadar tukaran dan pergerakan faedah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengumumkan bahawa projek-projek besar, termasuk projek empangan hidroelektrik Bakun, Lapangan Terbang Antarabangsa Kawasan Utara di Kedah dan projek Kuala Lumpur Linear City, akan ditangguhkan.

"Kita perlukan projek Bakun, tetapi pendapatan daripadanya hanya akan diperolehi dalam jangka panjang berbanding pembelian kapal dan pesawat udara yang meraih pendapatan dengan lebih cepat," kata Samudram.

"Kita juga perlu memperlahankan perbelanjaan kerana kita telah membelanjakan terlalu banyak wang bagi projek-projek prasarana dan pembinaan," tegas beliau.

"Kita mesti wujudkan asas ekonomi yang teguh," katanya, sambil menambah bahawa ini boleh dicapai "dengan membina keupayaan dalam sektor-sektor nilai ditambah yang lain seperti Koridor Raya Multimedia (MSC) yang seharusnya dapat menghasilkan pendapatan." -- BERNAMA

ZMY KY MA